



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S)11/2024(JSE)
TARIKH : 2 Februari 2024

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia / Sijil Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS)** dalam kod bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANGKI AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	BERDAFTAR DENGAN: Kementerian Kewangan Malaysia/ Akuan Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia/ Perbendaharaan Malaysia Sabah KOD BIDANG: 080101 (Kelengkapan/ Kemudahan Awam [kecuali kelengkapan kemudahan permainan/ sukan])	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> Tiada <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 8.2.2024 sehingga 19.2.2024 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 20.00 (tidak dikembalikan)	20.2.2024 (8.00 pagi - 12.00 t/hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran yang sah tempoh **BERSERTA SATU SALINAN** sijil dari **MOF / Akuan Bumiputera MOF dan PMS** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga.

(Tempoh Sah Sijil-Sijil Hendaklah Tidak Kurang 90 Hari Dari Tarikh Tutup Iklan Sebutharga)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga (sekiranya ada). Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.